

UKM menang besar, Sarawak kejutkan N. Sembilan

KUALA LUMPUR - Juara bertahan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) bermula dengan baik apabila menang besar; 351 larian ke atas pendaatang baru, Terengganu dalam pembukaan Kriket Perisai Raja-Raja di UKM Oval Bangi semalam.

Terengganu yang hanya bertahan setakat 40 larian selepas rehat tengah hari tampak kurang



bertenaga apabila membenarkan dua pemukul UKM, Faizal Abu Hassan dan Faruq Hakim Azmi masing-masing melakukan 106 larian dan 104 tanpa tewas.

"Seperti biasa, kami mahu menang sampai merengkul kejuaraan lagi," kata pengurus UKM, Fairus Shafie.

Di Victorial Oval, Sarawak mem-

eranjatkan Negeri Sembilan dengan kemenangan 29 larian manakala naib juara tahun lepas, Tentera menumbangkan Universiti Teknologi Mara (UiTM) dengan 26 larian di Kelab Aman.

Kelantan yang diwakili hampir semua pelajar daripada kumpulan Projek Kriket Nasional kendalian Persatuan Kriket Melayu Malaysia memeranjatkan Sabah dengan kemenangan tujuh wicket di Bayuemas Oval, Klang.

UKM kalahkan Terengganu dengan 351 larian

UKM 391-6 (50 over) Faizal

Abu Hassan 106, Faruq Hakim Azmi kekal 104, Nik Azril Arifin kekal 52, Norhamizan Hamidon 34, Adib Rahim 34, Faiz M. Noor 19, Adam Zulkifli 13. Kairul Azrin Matsiah 3-57, Amiruddin Azahar 2-46.

Terengganu 40 (21.2 over) Amiruddin Azahar 14. Shahrulnizam Yusof 5-9, Nazril A. Rahman 4-9.

Pemain terbaik: Faruq Hakim Azmi (UKM).

Pengadil: Redzuan Shahadan (Selangor) & Ariffin Ramly (Negeri Sembilan).

Pencatat: Kamaruddin Ismail (Perak).

Sarawak kalahkan Negeri Sembilan dengan 29 larian

Sarawak 177-8 (50 over) Pasha Syafiq Iqbal Ali 53, Maxwell Stephen Bala 40, Awang Amirul Rashid Sadam 21, Ikmal Gabin 20. Aliff Safwan Zol 3-37, Ikmal Yazid 2-21, Haziq Hashim 2-25.

Negeri Sembilan 148 (40.1 over) Aminudin Ramly 34, Azwar Tajri 30, Faizshah Niaz-Lyn 23, Aliff Safwan Zol

20. Rafizul Radiman 4-27, Maxwell Stephen Bala 3-36, Ikmal Gabin 2-42.

Pemain terbaik: Maxwell Stephen Bala (Sarawak).

Pengadil: Rudy Ismandi Mansor (Perak) & Izmir Azraf Zakaria (Melaka).

Pencatat: Rasul Iqbal Ghazali (Pahang).

Tentera kalahkan UiTM dengan 26 larian

Tentera 121 (37.1 over) Suharril Fetri Shuib 38, Syahadat Ramli 27, Rashid Ahad kekal 23. Elmi A. Rahman 4-16, Khairul Izuan Razman 2-20, Muazzam Hadi 2-24, Nik Muhammad Hasyim Muhammad 2-26.

UiTM 95 (45.5 over) Tajudin Ismail 24, Irfan Ruzdi 12, Che Wan Razlan Zalati 11. Syahadat Ramli 3-10, Rashid Ahad 3-12, Shukri Rahim 2-24.

Pemain terbaik: Rashid Ahad (Tentera).

Pengadil: Zhalan Hassan (Melaka) & Nur Nadhirah Nasaruddin (Kuala Lumpur).

Pencatat: Shaiful Azrol Azahan (Pahang).

Kelantan kalahkan Sabah dengan 7 wicket

Sabah 67 (29.1 over) Sudarmin Darwis

15, Saiful Ali 12, Ghull Labshah Hussin 11, Afiq Jabri Bahri 10. Faeiz Redzuan Tarmizi 4-20, Fatah Ibrahim 4-22, Mahathir Razali 2-7.

Kelantan 68-3 (16.3 over) Mahathir Razali kekal 29, Fadli Haris A. Rahman kekal 10. Trisman Rudi 2-33.

Pemain terbaik: Faeiz Redzuan Tarmizi (Kelantan).

Pengadil: Bertle James (Negeri Sembilan) & Hafiz Zaman Huri (Negeri Sembilan).

Pencatat: Nai Prasanet Soom Chok (Kuala Lumpur).

KEPUTUSAN

JADUAL

HARI INI

UKM	LWN (UKM Oval, 9.30 pagi)	SARAWAK
TERENGGANU	LWN (Kelab Aman, 9.30 pagi)	N. SEMBILAN
SABAH	LWN (Victoria Oval, 9.30 pagi)	TENTERA
UiTM	LWN (Bayuemas Oval, 9.30 pagi)	KELANTAN



PEMUKUL Sabah, Roszaidi Roslan (kanan) melakukan hayunan sambil penjaga wicket Kelantan, Faris Azzat Shaari bersedia di belakang kayu pancang dalam aksi Perisai Raja-Raja di Bayuemas Oval, Klang semalam. - UTUSAN/MOHD. SHAHARANI SAIBI